

Bangkok tolak cadangan autonomi Dr. M

UM - 1/11/2004: 2

BANGKOK 31 Okt. — Thailand hari ini mengkritik cadangan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung pemberian kuasa autonomi kepada penduduk Islam di selatan negara itu bagi menamatkan keganasan.

Seorang pegawai kanan Kementerian Luar Thailand, Sihasak Phuangketkeow berkata, kenyataan Dr. Mahathir beberapa hari selepas 87 penunjuk perasaan Islam Thai terbunuh dalam kejadian berdarah pada awal minggu ini tidak membantu keadaan.

“Pandangan Dr. Mahathir mengenai situasi di selatan Thailand tidak menggambarkan pemahaman sebenar berhubung kejadian yang berlaku yang membelenggu ketiga-tiga wilayah tersebut,” kata Sihasak.

Dr. Mahathir dalam wawancara eksklusif dengan *Utusan Malaysia* yang disiarkan kelmarin mencadangkan Thailand harus mempertimbangkan pemberian kuasa autonomi kepada tiga wilayah di selatan negara itu yang mempunyai enam juta penduduk Islam.

Cadangan itu dicetuskan oleh Dr. Mahathir kerana berpendapat umat

Islam di selatan Thai tidak mungkin boleh mencapai kemerdekaan.

Status autonomi bermakna pemindahan kuasa dan fungsi daripada kerajaan Pusat kepada kerajaan wilayah.

Kenyataan Dr. Mahathir mendapat reaksi positif di kalangan pemimpin masyarakat dan penduduk Islam di selatan Thai yang menyifatkannya sebagai langkah terbaik.

Kerajaan Thailand sebelum ini berulang kali menolak cadangan pemberian kuasa autonomi kepada wilayah-wilayah tersebut.

Sementara itu, kira-kira 30 pelaj

jar Thai mengadakan demonstrasi di hadapan kedutaan Malaysia bagi membantah kenyataan Dr. Mahathir itu.

“Kami ingin mendesak Dr. Mahathir untuk berhenti bercakap mengenai pemisahan Thailand di media kerana kenyataan itu adalah jelas mengganggu hal ehwal dalam negara ini,” kata pemimpin tunjuk perasaan tersebut, Asawin Seiyathep.

Para penunjuk perasaan turut membawa sepanduk yang tertera “Mahathir Berhenti” dan “Wilayah selatan tidak boleh dipisahkan dari-

pada Thailand” dalam demonstrasi yang berlangsung selama 30 minit.

Hubungan antara Thailand dan Malaysia agak tegang beberapa ketika berhubung kejadian keganasan di selatan Thailand.

Kerajaan Thailand mempercayai kumpulan militan yang mendalangi keganasan di selatan negara itu sedang bersembunyi di sempadan Thai dan Malaysia.

Bagaimanapun, Malaysia menolak dakwaan tersebut.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada minggu lepas berkata, kemati-

an ramai penunjuk perasaan itu tidak sepatutnya berlaku.

Beliau turut melahirkan harapan kejadian-kejadian keganasan di selatan Thailand akan dapat dibendung secepat mungkin.

Parti pembangkang Malaysia, Pas pada minggu lepas pula berkata, tindakan Thailand itu boleh mencetuskan lagi pemberontakan di kalangan penduduk Islam.

Pas turut menyamakan kejadian itu seperti kejadian penduduk Yahudi ditindas di Poland yang berada di bawah pemerintahan Nazi ketika Perang Dunia Kedua. — Reuters